**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**
**Sidang Akademik 2000/2001**

**FEBRUARI/MAC 2001**

**RMK 357 – PENTADBIRAN TANAH**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. a) Beri takrifan tanah kerajaan dan nyatakan bidang kuasa dan had bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri terhadap tanah kerajaan ini.

   ( 10 MARKAH )

   b) Beri penjelasan tentang Prinsip 'Cermin' dan Prinsip 'Tirai' dan kesannya terhadap proses pindah milik tanah.

   ( 10 MARKAH )

   **( 20 MARKAH )**

2. Takrifan 'tanah' didalam Sek. 5 Kanun Tanah Negara 1965 telah secara tidak langsung menyatakan hak seorang pemilik terhadap pemilikan pegangannya. Nyatakan hak-hak dan had hak pemilik dalam tanahnya dan beri penjelasan kenapa had pemilik ini diwujudkan.

   **( 20 MARKAH )**

3. Peruntukan undang-undang berkaitan Lesen Pendudukan Sementara perlulah dipatuhi jika seseorang memohonnya untuk apa-apa tujuan berkaitan.
   Bincangkan

   a) Apa dia Lesen Pendudukan Sementara?
   b) Pra-syarat pemberian Lesen Pendudukan Sementara.
   c) Sekatan-sekatan yang dikenakan kepada pemegang Lesen Pendudukan Sementara.

   **( 20 MARKAH )**

4. a) Dengan ringkas huraikan jenis urusniaga yang diiktiraf serta senaraikan instrumen urusniaga yang terdapat didalam Kanun Tanah Negara 1965.

( 10 MARKAH )

b) Berikan kritikan anda tentang masalah kelewatan pengeluaran hak milik dibawah Akta Hak Milik Strata 1985.

( 10 MARKAH )

**( 20 MARKAH )**

5. a) Berikan takrifan lengkap bagi istilah berikut :

i) Kaveat Persendirian
ii) Hak Milik Sementara

( 10 MARKAH )

b) Permohonan untuk memecah bahagi bangunan hendaklah dibuat secara bertulis didalam Borang 1, AHS 1985 kepada Pentadbir Tanah.

Nyatakan perkara-perkara yang perlu disertakan bersama Borang 1 ini.

( 10 MARKAH )

**( 20 MARKAH )**

6. a) Huraikan bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan menentukan kadar peratusan kadar yang dikenakan dan keadaan ketika mana nilai tahunan akan dubah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976.

( 10 MARKAH )

b) Bincangkan kepentingan kes *Kiah bt. Hanapiah v. Som bt. Hanapiah [1953] MLJ 82.*

( 10 MARKAH )

**( 20 MARKAH )**

- oooOOOooo -